

AKHBAR : **Sinar Harian**
TARIKH : 12 Oktober 2024
SENTIMEN: Positif

MUKA SURAT: 9
HARI : Khamis

Culas bayar PTPTN: Jangan curi masa depan generasi muda

SHAH ALAM - Penerima pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) digesa supaya menjadi rakyat yang lebih bertanggungjawab dengan membayar kembali hutang demi kelangsungan generasi akan datang.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming berkata, ia merupakan prinsip asas yang boleh difahami pihak terlibat dalam membuat pinjaman berkenaan.

"Negara memerlukan rakyat yang bertanggungjawab. Jika pinjam, kena bayar balik. Ini prinsip asas semua orang boleh faham.

"Jangan jadi 436,000 orang yang pinjam PTPTN tapi enggan bayar sehingga hutang tunggakan PTPTN sudah lebih RM6 bilion. Tolonglah, jangan curi masa depan generasi muda," katanya menerusi hantaran di laman X.

Kor Ming melalui perkongsian sama turut memuat naik videonya bersama seorang pemuda yang mengupas isu mengenai PTPTN.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir baru-baru ini dilaporkan berkata, PTPTN akan mengambil tindakan terhadap 430,000 peminjam yang tidak pernah membayar hutang membabitkan jumlah sebanyak RM6 bilion.

Menurutnya, sikap tidak bertanggungjawab pihak terbabit mengakibatkan kedudukan kewangan PTPTN kini berada di tahap membimbangkan.

Culas bayar PTPTN: Jangan curi masa depan generasi muda

SHAH ALAM - Penerima pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) digesa supaya menjadi rakyat yang lebih bertanggungjawab dengan membayar kembali hutang demi kelangsungan generasi akan datang.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming berkata, ia merupakan prinsip asas yang boleh difahami pihak terlibat dalam membuat pinjaman berkenaan.

“Negara memerlukan rakyat yang bertanggungjawab. Jika pinjam, kena bayar balik. Ini prinsip asas semua orang boleh faham.

“Jangan jadi 436,000 orang yang pinjam PTPTN tapi enggan bayar sehingga hutang tunggakan PTPTN sudah lebih RM6 bilion. Tolonglah, jangan curi masa depan generasi muda,” katanya menerusi hantaran di laman X.

Kor Ming melalui perkongsian sama turut memuat naik videonya bersama seorang pemuda yang mengupas isu mengenai PTPTN.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir baru-baru ini dilaporkan berkata, PTPTN akan mengambil tindakan terhadap 430,000 peminjam yang tidak pernah membayar hutang membabitkan jumlah sebanyak RM6 bilion.

Menurutnya, sikap tidak bertanggungjawab pihak terbabit mengakibatkan kedudukan kewangan PTPTN kini berada di tahap membimbangkan.

20241012_N60_SNH_NA_9_BW_culas~bayar~ptptn~~jangan~curi~masa~depan~generasi~muda